

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2019 | SELASA**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[ PADANG SERAI ]**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan memberi keutamaan kuota haji kepada bekas tentera. Didapati terdapat ramai bekas tentera yang masih lagi belum mendapat peluang untuk mengerjakan haji dan menunaikan rukun Islam yang ke-5. Adakah pihak Kerajaan dan Tabung Haji bercadang untuk memberi keutamaan kuota haji kepada bekas tentera.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji (**TH**) tidak memperuntukkan atau mengagihkan kuota khusus kepada mana-mana kumpulan atau pihak tertentu kerana **TH** telah mengamalkan sistem pendaftaran haji terbuka berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu didahulukan sejak tahun 1993, iaitu setelah kuota dikuatkuasakan sepenuhnya oleh Kerajaan Arab Saudi.

Sehubungan itu, pemilihan bakal haji untuk menunaikan fardhu haji setiap tahun adalah berdasarkan tarikh dan masa pendaftaran haji mereka. Tiada keistimewaan diberikan kepada mana-mana pihak atau individu termasuklah pesara tentera, polis dan penjawat awam dalam pemilihan bakal haji. Tawaran untuk menunaikan haji ke Tanah Suci akan diberikan kepada mereka yang telah tiba giliran pada tahun semasa.

Difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan Malaysia ada juga memohon kuota khas setiap tahun daripada Kerajaan Arab Saudi melalui Kementerian Pertahanan Arab Saudi.

Sekian. Terima kasih.